

**PANDUAN PERMOHONAN PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN DARIPADA AKAUN
PEMAJUAN PERUMAHAN DI BAWAH SEKSYEN 6A, AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN) 1991**

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	Jenis Pengeluaran Wang Pendahuluan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeluaran Wang Pendahuluan disebabkan TEMPOH LIABILITI KECACATAN TELAH TAMAT BESERTA KELULUSAN PENGELUARAN KESEMUA WANG (P11) 2. Pengeluaran Wang Pendahuluan disebabkan PEMBATALAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN 3. Pengeluaran Wang Pendahuluan JAMINAN BANK 80% DAN 20% DITINGGALKAN SEHINGGA DLP TAMAT
2.	Cara Permohonan.	<p>Secara atas talian/ online di laman web ehome.kpkt.gov.my melalui Sistem ePemaju</p> <p>Mulai 1 September 2016 semua permohonan pengeluaran wang pendahuluan hendaklah dikemukakan secara online.</p> <p>(Pemaju TIDAK PERLU menghantar permohonan secara manual. Sebarang masalah teknikal berkaitan penghantaran permohonan, sila emel <i>screenshot</i> kepada ict_jpn@kpkt.gov.my).</p>
3.	PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN DISEBABKAN TEMPOH LIABILITI KECACATAN TELAH TAMAT BESERTA KELULUSAN PENGELUARAN KESEMUA WANG (P11)	
	Syarat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Telah memperolehi Surat Kelulusan Pengeluaran Kesemua Wang (P11) daripada JPN. ▪ Tempoh liabiliti kecacatan bangunan (DLP) telah tamat. ▪ Pemaju tidak disenarai hitam.
	Dokumen Sokongan	
3.1	Surat Permohonan Daripada Pemaju	<p>Surat iringan Permohonan Pengeluaran Wang Pendahuluan (6A) daripada pemaju seperti Lampiran A dengan menyatakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ telah tamat tempoh liabiliti kecacatan dan memperolehi kelulusan P11 ▪ dokumen-dokumen lain yang dimuatnaik melalui online
3.2	Sijil Layak Menduduki (CCC/CFO)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Salinan Sijil CCC/CF perlu dikemukakan bagi kesemua unit sepertimana yang dilesenkan. ▪ Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan Sementara (Borang E) / Perakuan Siap & Pematuhan Sebahagian (Borang F1) tidak diterima.
3.3	Notis Penyerahan Milikan Kosong (VP) dari Pemaju	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Contoh Notis VP yang dimuatnaik hendaklah tarikh serahan notis VP berdasarkan tarikh CCC/CF yang terakhir diperolehi. ▪ Tarikh VP hendaklah melebihi (2) tahun.
3.4	Surat Kelulusan Pengeluaran Kesemua Wang – Per. 11	Surat Kelulusan Pengeluaran Kesemua Wang (P11) daripada JPN
3.5	Penyata Baki Bank Terkini (Jika wang deposit dalam Akaun HDA)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyata Baki Bank dimana Akaun Pemaju Perumahan dibuka dengan menyatakan baki semasa akaun HDA. ▪ No. akaun dan nama bank akaun HDA mestilah sama dengan Surat Pembukaan HDA yang asal.
3.6	Surat Pembukaan Akaun HDA	Surat daripada bank pembukaan akaun HDA seperti format Lampiran A1 (Deposit HDA) atau Lampiran A2 (Jaminan Bank).

	3.7	Surat Penutupan Akaun HDA daripada Bank	Jika wang deposit dalam bentuk BG
	3.8	Salinan Jaminan Bank/ <i>Bank Guarantee</i> (BG)	Jika wang deposit dalam bentuk BG
4.	PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN DISEBABKAN PEMBATALAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN		
	Syarat		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Telah memperolehi Surat Kelulusan Pembatalan Lesen Pemajuan Perumahan daripada JPN. ▪ Sijil Asal Lesen Pemajuan Perumahan telah dikembalikan ke JPN dan dicop 'BATAL'. Sila dapatkan salinan Sijil Lesen yang dicop 'BATAL'. ▪ Pemaju tidak disenarai hitam.
	Dokumen Sokongan		
	4.1	Surat Permohonan Daripada Pemaju	Surat iringan Permohonan Pengeluaran Wang Pendahuluan (6A) daripada pemaju seperti Lampiran B dengan menyatakan:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ projek perumahan tidak dibina dan dijual dan lesen asal telah dibatalkan dan dikembalikan ke JPN. ▪ dokumen-dokumen lain yang dimuatnaik melalui online
	4.2	Surat Kelulusan Pembatalan Lesen	Surat Kelulusan Pembatalan Lesen Pemajuan Perumahan yang dikeluarkan oleh JPN
	4.3	Sijil Lesen Yang Dibatalkan.	Sijil Lesen Pemajuan Perumahan yang telah dicop 'BATAL'
	4.4	Surat Pembukaan Akaun HDA	Surat daripada bank pembukaan akaun HDA seperti format Lampiran A1 (Deposit HDA) atau Lampiran A2 (Jaminan Bank).
	4.5	Penyata Baki Bank Terkini	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyata Baki Bank dimana Akaun Pemaju Perumahan dibuka dengan menyatakan baki semasa akaun HDA. ▪ No. akaun dan nama bank akaun HDA mestilah sama dengan Surat Pembukaan HDA yang asal.
	4.6	Salinan Jaminan Bank/ <i>Bank Guarantee</i> (BG)	Jika wang deposit dalam bentuk BG
5.	PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN JAMINAN BANK 80% DAN 20% DITINGGALKAN SEHINGGA DLP TAMAT		
	Maksud Pengeluaran Wang Deposit 80% Jaminan Bank		Pengeluaran 80% dari bayaran wang deposit dalam bentuk Jaminan Bank dan baki wang deposit 20% disimpan oleh Pengawal Perumahan sehingga luput tempoh liabiliti kerosakan pemajuan perumahan (DLP).
	Syarat		<ol style="list-style-type: none"> 1. Terpakai kepada kelulusan lesen selepas pindaan dan perwartaan Akta 118 pada 1 Jun 2015 yang membayar penuh 3% wang deposit semasa permohonan APDL 2. Memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC/CF) bagi kesemua unit rumah. 3. Sijil Lesen Pemaju Perumahan yang sah tempoh. 4. Jaminan Bank yang sah tempoh sehingga tamat tempoh DLP. 5. Pemaju tidak disenarai hitam.
	Cara Permohonan		<ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan Wang Pendahuluan (6A) <ul style="list-style-type: none"> - Surat permohonan - Salinan asal Sijil Lesen Pemajuan Perumahan yang sah tempoh - Salinan BG lama yang sah tempoh - Sijil CCC/CFO bagi kesemua unit - Surat Pembukaan Akaun HDA 2. Permohonan Pengeluaran Wang Lebihan (P9) dan tambahan dokumen berikut:- <ul style="list-style-type: none"> - Surat Kelulusan daripada JPN membenarkan pengeluaran BG 80% - Sijil BG Asal 20%

Dokumen Sokongan:-		
5.1	Surat Permohonan Daripada Pemaju	Surat iringan Permohonan Pengeluaran Wang Pendahuluan (6A) daripada pemaju seperti Lampiran C dengan menyatakan:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ permohonan pengeluaran wang lebih beserta pengeluaran wang deposit 80% dan 20% ditinggalkan selepas tamat DLP dengan menyatakan jumlah dalam RM. ▪ dokumen-dokumen lain yang dimuatnaik melalui online
5.2	Sijil Lesen Pemajuan Perumahan	Salinan Sijil Lesen Pemajuan Perumahan yang diluluskan pertama kali dan sah tempoh.
5.3	Sijil Layak Menduduki (CCC/CFO)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Salinan Sijil CCC/CF perlu dikemukakan bagi kesemua unit sepertimana yang dilesenkan. ▪ Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan Sementara (Borang E) / Perakuan Siap & Pematuhan Sebahagian (Borang F1) tidak diterima.
5.4	Notis Penyerahan Milikan Kosong (VP) dari Pemaju	Contoh Notis VP yang dimuatnaik hendaklah tarikh serahan notis VP berdasarkan tarikh CCC/CF yang terakhir diperolehi.
5.5	Salinan Jaminan Bank / <i>Bank Guarantee</i> (BG)	Sijil BG perlu diperbaharui sehingga tamat tempoh liabiliti kecacatan bangunan. Tarikh DLP diambil kira dari tarikh serahan notis VP berdasarkan CCC/CF yang terakhir diperolehi dan melebihi (2) tahun.
5.6	Surat Pembukaan Akaun HDA	Surat daripada bank pembukaan akaun HDA seperti format Lampiran A1 (Deposit HDA) atau Lampiran A2 (Jaminan Bank).
6.	Tempoh Proses Permohonan	Pastikan maklumat yang diberi adalah benar, tepat dan lengkap. Tempoh proses permohonan yang lengkap diterima adalah <u>14 HARI BERKERJA</u> tidak termasuk cuti umum.
7.	Alamat / No. telefon untuk dihubungi	Jabatan Perumahan Negara, Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 PUTRAJAYA. Tel:03-8891- 4109/4130/4106/4132 / Faks:03-88913185 Emel: pelesenan_jpn@kpkt.gov.my

(Surat iringan dicetak atas Kepala Surat Pemaju untuk permohonan pengeluaran wang pendahuluan (6A) – Dengan Kelulusan P11)

Tarikh:

Rujukan Kami:

Rujukan Tuan: (No. Lesen Pemaju)

Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
(u.p: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan)

Tuan,

**PER: PERMOHONAN PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN DIBAWAH SEKSYEN 6A
KERANA TELAH TAMAT TEMPOH LIABILITI KECACATAN**

Nama Pemaju :
Nama Pemajuan :
Maklumat Pemajuan : (*Nyatakan Bilangan Unit, Jenis Rumah, No. Lot/PT, Mukim, Daerah, Negeri*)
No. Lesen Pemaju :

Saya,(*Nama Pengarah*)..... No. KP: telah memperolehi kelulusan pengeluaran kesemua wang di bawah Peraturan 11 dan telah **tamat tempoh liabiliti kecacatan**. Sehubungan itu, pihak kami ingin membuat permohonan pengeluaran wang pendahuluan dan bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- a. Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC/CF);
- b. Notis Penyerahan Milikan Kosong (*Delivery of Vacant Possession*) dari Pemaju;
- c. Surat Kelulusan Pengeluaran Kesemua Wang (Peraturan 11) rujukan
- d. Surat Pembukaan Akaun Pemajuan Perumahan;
- e. Penyata Baki Bank Terkini;
- f. Salinan Jaminan Bank (Jika berkaitan);
- g. Surat Pengurangan Wang Deposit (Jika berkaitan); dan
- h. Surat Pengesahan Bank pertukaran no. digit akaun lama kepada baru (Jika berkaitan)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(Nama dan Tandatangan Pengarah & Cop Rasmi)

(Surat iringan dicetak atas Kepala Surat Pemaju untuk permohonan pengeluaran wang pendahuluan (6A) – Pembatalan Lesen)

Tarikh:

Rujukan Kami:

Rujukan Tuan: (No. Lesen Pemaju)

Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
(u.p: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan)

Tuan,

**PER: PERMOHONAN PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN DIBAWAH SEKSYEN 6A
KERANA PEMBATALAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN**

Nama Pemaju :
Nama Pemajuan :
Maklumat Pemajuan : (*Nyatakan Bilangan Unit, Jenis Rumah, No. Lot/PT, Mukim, Daerah, Negeri*)
No. Lesen Pemaju :

Saya,(*Nama Pengarah*)..... No. KP: telah memperolehi kelulusan pembatalan lesen pemajuan perumahan kerana projek perumahan tidak dibina dan dijual. Pihak kami juga telah **mengembalikan Sijil Lesen Pemajuan Perumahan yang asal dan telah dibatalkan**. Sehubungan itu, pihak kami ingin membuat permohonan pengeluaran wang pendahuluan dan bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- a. Surat Kelulusan Pembatalan Lesen rujukan
- b. Sijil Lesen Pemaju Perumahan Dengan Cop Dibatalkan;
- c. Surat Pembukaan Akaun Pemajuan Perumahan;
- d. Penyata Baki Bank Terkini;
- e. Salinan Jaminan Bank (Jika berkaitan);
- f. Surat Pengurangan Wang Deposit (Jika berkaitan); dan
- g. Surat Pengesahan Bank pertukaran no. digit akaun lama kepada baru (Jika berkaitan)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(Nama dan Tandatangan Pengarah & Cop Rasmi)

(Surat iringan dicetak atas Kepala Surat Pemaju untuk permohonan pengeluaran wang pendahuluan (6A) – Pengeluaran 80% deposit Jaminan Bank)

Tarikh:

Rujukan Kami:

Rujukan Tuan: (No. Lesen Pemaju)

Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
(u.p: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan)

Tuan,

**PER: PERMOHONAN PENGELUARAN WANG PENDAHULUAN DIBAWAH SEKSYEN 6A
KERANA PENGELUARAN WANG DEPOSIT 80% JAMINAN BANK**

Nama Pemaju :
Nama Pemajuan :
Maklumat Pemajuan : (*Nyatakan Bilangan Unit, Jenis Rumah, No. Lot/PT, Mukim, Daerah, Negeri*)
No. Lesen Pemaju :

Saya,(*Nama Pengarah*)..... No. KP: mengesahkan pemajuan perumahan seperti butiran di atas telah memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC/CFO) sepenuhnya. Sehubungan itu, pihak kami ingin membuat permohonan pengeluaran wang deposit 80% Jaminan Bank berjumlah **RM**..... dan baki 20% berjumlah **RM**..... ditinggalkan sehingga tamat tempoh liabiliti kerosakan pemajuan perumahan. Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut:-

- a. Sijil Lesen Pemaju Perumahan;
- b. Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC/CF);
- c. Notis Penyerahan Milikan Kosong (*Delivery of Vacant Possession*) dari Pemaju;
- d. Salinan Jaminan Bank; dan
- e. Surat Pembukaan Akaun Pemajuan Perumahan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(Nama dan Tandatangan Pengarah & Cop Rasmi)